

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 10 OKTOBER 2019, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 2

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1423-MQT0579
Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah perbezaan antara Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dengan pelan-pelan kerajaan sebelum ini di mana Menteri percaya bahawa dapat merapatkan jurang antara Semenanjung Malaysia dan Sabah dan Sarawak yang gagal dilaksanakan oleh Kerajaan terdahulu.

2. PR-1423-MQT0584
Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan rasional untuk tidak memberikan subsidi petrol bersasar kepada golongan B40 di Sabah, Sarawak dan Labuan bermula 1 Januari 2020 serta statistik penggunaan petrol RON95 di tiga negeri ini.

3. PR-1423-MQT0574
Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh mana pencapaian objektif-objektif dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 10 OKTOBER 2019, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 36

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1423-L06055
Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan secara terperinci bagaimana Kerajaan mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0 dalam pasaran buruh negara di bawah Pelan Tindakan Sumber Manusia Kebangsaan (NHRB) yang sedang dirangka. Bagaimana pekerja boleh memperoleh manfaat seiring dengan pembangunan Revolusi Industri 4.0.

2. PR-1423-L06146
Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan :-
 - (a) prestasi kewangan terkini Khazanah Nasional ; dan
 - (b) jumlah pelupusan saham, aset dan kepentingan yang dibuat sejak Kerajaan Pakatan Harapan (PH) mengambil alih Kerajaan Pusat sehingga kini .

3. PR-1423-L06360
Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah-langkah dan status terkini rancangan untuk membangunkan bidang *e-sports* di setiap negeri.

4. PR-1423-L06318
Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status rundingan terkini berkenaan Malaysian Agreement 1963 Consultative Committee yang telah mengadakan beberapa sesi mesyuarat sejak ia ditubuhkan pada tahun 2018. Perincikan apa yang telah dipersetujui antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Sarawak.

5. PR-1423-L06088
Dato' Mansor Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan bagaimana Kerajaan memastikan pelaksanaan kadar baru tarif air tidak membebankan rakyat dan kenaikan tarif air juga adalah sejajar dengan peningkatan mutu dan kualiti perkhidmatan bekalan air.

6. PR-1423-L06383
Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah sistem pendaftaran automatik pengundi berumur 18 tahun ke atas akan dilaksanakan dan jaminan mereka yang berdaftar sekarang akan dimasukkan ke dalam Daftar Pemilih Induk yang layak mengundi pada PRU 15 kelak.

7. PR-1423-L07139
Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah Kementerian berhasrat untuk memohon semula kelulusan pembinaan Litar Sukan Permotoran Antarabangsa Labuan (*Labuan International Motorsports Circuit*) di Kiansam, Wilayah Persekutuan Labuan yang sudah diluluskan tapi dibatalkan sebelum ini.

8. PR-1423-L06668
Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini usaha menaik taraf status 5,000 guru KAFA yang memiliki diploma dan ijazah ke perjawatan tetap.

9. PR-1423-L07232
Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah Lapangan Antarabangsa Kota Kinabalu yang baru akan dibina.

10. PR-1423-L06082
Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan perbandingan harga-harga setan atau sekilo pada 1 April 2018 dibanding pada 1 Oktober 2019 iaitu BTS sawit, getah sekerap, koko, lada hitam dan komoditi lain bawah kawalan Kementerian. Nyatakan langkah-langkah terperinci untuk menaikkan harga komoditi tersebut dan berapa ramaikah pekebun kecil dan industri yang terlibat dengan setiap komoditi.
11. PR-1423-L06539
Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan rancangan Kerajaan dan bagaimana Kerajaan dapat kurangkan ketidaksamarataan (*inequality*) di Malaysia dengan memperkenalkan Visi *Shared Prosperity*. Adakah Kerajaan bercadang untuk mendapat pandangan ahli akademik, Ahli Parlimen dan kumpulan kepentingan lain dalam pengubalan wawasan ini secara keseluruhan.
12. PR-1423-L06474
Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah pihak Kerajaan untuk menambah baik polisi sedia ada berkaitan system pengangkutan menggunakan "*Hydrogen Fuel Cell Technology*" di Malaysia dan adakah pihak Kementerian sudi memberi sokongan terhadap langkah Kerajaan Sarawak yang memperkenalkan bas awam menggunakan hidrogen.
13. PR-1423-L07095
Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
- (a) skop tanggungjawab Kementerian Sumber Manusia dengan Kementerian Dalam Negeri mengenai isu pengambilan pekerja asing; dan
 - (b) adakah kementerian komited untuk mengurangkan kos menggaji pembantu rumah asing yang kini merupakan RM15,000 bagi setiap pembantu rumah.
14. PR-1423-L06222
Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan adakah kenaikan tarif air yang dijangka berlaku pada penghujung tahun ini telah dibincangkan dengan semua Kerajaan negeri dan bagaimanakah pihak Kementerian memastikan kenaikan ini tidak membebankan pengguna terutamanya pengguna domestik.

15. PR-1423-L06839
Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pembaharuan-pembaharuan yang telah dibuat oleh Kerajaan baharu dalam hal pengurusan Dana Pembangunan Sumber Manusia (HRDF). Nyatakan secara terperinci mengenai statistik kutipan dan perbelanjaan dana HRDF sejak tahun 2015.

16. PR-1423-L05932
Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tindakan Kerajaan pusat dalam menyelesaikan kemelut kesesakan lalulintas yang dialami di daerah Cameron Highlands terutama sekali semasa musim cuti serta perancangan dan jumlah peruntukan yang disediakan untuk menyelesaikan masalah ini.

17. PR-1423-L06458
Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan masa depan industri getah dan minyak sawit dalam tempoh 5 tahun akan datang dan sama ada Kementerian bercadang mengkaji semula strategi negara untuk kedua-dua sektor ini, termasuklah cadangan untuk mengenal pasti tanaman-tanaman yang lain.

18. PR-1423-L06211
Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan secara terperinci jumlah bajet daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM6.23 bilion kepada FELDA sekiranya telah diterima sepertimana dinyatakan dalam pembentangan Kertas Putih bersekali dengan agihan perbelanjaan dan kegunaannya.

19. PR-1423-L07134
Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan pengurusan yang tidak terkawal di kolam-kolam takungan banjir di mana sampah telah membanjiri kawasan ini. Seperti di Kolam Nanyang, oleh kerana sampah telah memenuhi kolam tersebut bau yang tidak menyenangkan telah wujud dan secara tidak langsung ianya menjejaskan kesihatan penduduk setempat. Adakah Kementerian melalui JPS mempunyai sebarang perancangan tindakan supaya tahap kesihatan warga setempat dapat terkawal .

20. PR-1423-L06813
Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan menggugurkan Bahagian Penyemakan dan Pembaharuan Undang-Undang, Jabatan Peguam Negara selepas memperkenalkan Suruhanjaya Pembaharuan Undang-Undang bagi mengelakkan pembaziran sumber Kerajaan serta pertindihan serta adakah Rang Undang-Undang Suruhanjaya Pembaharuan Undang-Undang ini akan diedarkan untuk konsultasi awam sebelum dibawa ke Parlimen.
21. PR-1423-L06105
Dato' Seri Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah-langkah pemerkasaan belia dalam sektor ekonomi dan keusahawanan bagi menunaikan ikrar Kerajaan untuk meningkat pembabitan golongan muda dalam arus perdana pembangunan negara.
22. PR-1423-L06944
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan mengenai cadangan melanjutkan had umur persaraan dan implikasinya terhadap produktiviti dan pasaran kerja di negara ini.
23. PR-1423-L07098
Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan nyatakan pendirian Kementerian tentang penanaman, pengembangan dan pemprosesan minyak CBD bagi tujuan perubatan.
24. PR-1423-L05933
Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setelah hampir 6 bulan Konvensyen Orang Asli diadakan, pelan strategik pembangunan masyarakat Orang Asli yang dijanjikan oleh Menteri serta Ketua Pengarah JAKOA masih belum kelihatan dan dinyatakan. Jika sudah, berapakah jumlah peruntukan yang akan dibelanjakan bagi merealisasikan pelan ini.
25. PR-1423-L05970
Tuan Yamani Hafez bin Musa [Sipitang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana Kerajaan serius untuk mengecilkan saiz perkhidmatan awam tanpa menjejaskan jentera pentadbiran demi memacu agenda pembangunan negara.

26. PR-1423-L06166
Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah perjawatan yang telah diwujudkan dan yang telah ditamatkan perkhidmatan di Kementerian Belia dan Sukan mengikut perincian umur 25 tahun dan ke bawah, 26 hingga 30 tahun, 31 hingga 40 tahun, dan 41 tahun ke atas, dari Mei 2019 hingga kini.
27. PR-1423-L07182
Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan berapakah pengeluaran bio diesel pada tahun 2018 dan sehingga Jun 2019.
28. PR-1423-L06605
Tuan Pang Hok Liang [Labis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dana sejumlah RM100 juta disediakan secara khusus pada tahun lepas dituju khas kepada kesejahteraan kaum India dan untuk memperkasakan dan meningkatkan taraf sosioekonomi mereka. Senaraikan nama-nama penerima dan amaun yang telah dikeluarkan oleh MITRA.
29. PR-1423-L07087
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah pihak Kerajaan bercadang untuk meningkatkan pengeluaran getah seperti membina jalan raya menggunakan getah di seluruh Malaysia. Ini kerana terdapat uji kaji penggunaan getah untuk membina jalan raya telah pun disahkan dan mantap.
30. PR-1423-L05960
Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab-sebab mengapa syarahan dan kuliah-kuliah yang dianggap berunsur politik tidak dibenarkan diadakan di masjid-masjid.
31. PR-1423-L05792
Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah anggota Perkhidmatan Awam yang telah dipecat sejak Mei 2018. Mohon diberikan sebab-sebab pemecatan.
32. PR-1423-L06431
Tuan Jonathan Yasin [Ranau] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan berapakah jumlah peruntukan pembangunan dan operasi yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan masing-masing mengikut wilayah iaitu Sabah, Sarawak dan Semenanjung sejak tahun 1967 hingga 2018 mengikut tahun dan Rancangan Malaysia. Berikan perincian.

33. PR-1423-L06966
Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Sembrong] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan unjuran peratusan pengangguran sekiranya Kerajaan mengambil langkah pengecilan saiz perkhidmatan awam dengan pengurangan 5% berdasarkan Persidangan Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam 2019 dan juga menerima cadangan daripada Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) untuk menaikkan umur persaraan kepada 65 tahun.
34. PR-1423-L05797
Datuk Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [Keningau] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan :-
- (a) apakan pendirian rasmi Kerajaan mengenai pandangan wakil Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bahawa RM980 sekeluarga sebulan sebagai garis kadar miskin adalah terlalu rendah dan jumlah kemiskinan di Malaysia adalah jauh lebih tinggi daripada statistik Kerajaan; dan
 - (b) apakah langkah-langkah khas yang akan diambil oleh Kerajaan untuk membasmi kemiskinan di Sabah yang merupakan negeri kadar dengan kemiskinan tertinggi dalam negara.
35. PR-1423-L06029
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah rasional dan justifikasi untuk Kerajaan menjual kepentingan Malaysia Airlines (MAS) untuk diambil alih oleh syarikat asing, bagaimanakah Kerajaan memastikan ianya kekal sebagai sebuah syarikat penerbangan nasional yang menjadi kebanggaan negara dan apakah jaminan Kerajaan terhadap kepentingan kebajikan para pekerja MAS.
36. PR-1423-L05961
Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat manakah matlamat-matlamat Wawasan 2020 telah tercapai untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan adakah Kerajaan bercadang meneruskan cita-cita wawasan ini atau mengorbankannya (*abandon*) semata-mata.
37. PR-1423-L06122
Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah pandangan Kerajaan terhadap isu kemiskinan di Malaysia terutamanya dari segi indeks dan peratusannya yang mencerminkan keadaan sebenar kemiskinan dan tahap hidup rakyat kita di Malaysia.

38. PR-1423-L07224
Datuk Seri M. Saravanan [Tapah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mekanisme Kerajaan Pakatan Harapan dalam menguruskan perpaduan kaum yang dilihat semakin pincang serta menyebabkan banyak perpecahan kaum yang berlaku sehingga boleh mengganggu gugat keharmonian yang telah dipelihara selama ini.
39. PR-1423-L05835
Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah suku kaum 'Berawan' dan 'Saban' di Sarawak diiktiraf sebagai kaum Bumiputera. Senaraikan kaum-kaum/etnik yang tergolong sebagai kaum Orang Ulu di Sarawak.
40. PR-1423-L07189
Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tahap keselamatan laman web agensi Kerajaan dan swasta serta berapa jumlah laman web yang telah digodam pada Ogos lalu.
41. PR-1423-L05983
Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah ada jaminan skim pencen bagi perkhidmatan awam akan terus kekal.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 28/2019) Rang Undang-Undang Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional 2019 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]

2. (D.R. 29/2019) Rang Undang-Undang Mata Wang 2019 "

[Menteri Kewangan]

3. (D.R. 30/2019) Rang Undang-Undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2019 "

[Menteri Kewangan]

4. PR-1423-UL044

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] akan mencadangkan :-

"Bahawa pada hari Rabu, 17 Julai 2019, Yang Berhormat Dato' Mohamad Ariff bin Md Yusof telah mengeluarkan Petua Yang di-Pertua Dewan Rakyat menolak usul yang di bawa oleh Yang Berhormat Bera bagi merujuk Ahli Parlimen Bagan (Lim Guan Eng) ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan di bawah Peraturan Mesyuarat 36(12). Kenyataan ini merujuk kepada kenyataan Menteri Kewangan di dalam Penyata Rasmi bertarikh 7 Ogos 2018 yang berbunyi:

"Ini semua angkara Kerajaan Barisan Nasional yang rakus dan rasuah. Saya berasa sangat marah tentang perkara ini Tuan Yang di-Pertua Dewan. Ini kerana perkara ini bukanlah wang kerajaan, ini ialah wang rakyat yang dirompak dan saya tidak dapat memulangkan wang mereka sendiri. Ini satu pengkhianatan kepada rakyat Malaysia"

Dan bahawa Dewan yang mulia ini memandang serius Petua Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Rakyat di mana Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah menafikan hak ahli Dewan dan Usul Ketua Pembangkang itu. Justeru, saya ingin mengusulkan satu Usul Persendirian di bawah Peraturan Mesyuarat 43, Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Parlimen Dewan Rakyat agar keputusan Yang di-Pertua Dewan Rakyat itu ditimbangkan semula oleh Majlis Mesyuarat untuk dibahaskan di dalam mesyuarat Majlis ini."

5. PR-1423-U(27)064

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini bersetuju supaya suatu Jawatankuasa Pilihan Khas untuk isu-isu Pilihan Raya ditubuhkan untuk memastikan terdapat pemantauan yang bebas dan berterusan oleh Parlimen terhadap sistem dan proses pilihan raya di Malaysia."

[Perdana Menteri]

6. PR-1423-U(27)065

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 60 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan impian Malaysia."

[Perdana Menteri]

7. PR-1423-U(27)066

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Kerajaan memulihkan pilihan raya Kerajaan tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, berakauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

8. PR-1423-U(27)067

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat digesa untuk mengambil keputusan agar Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) yang dikenakan terhadap hartanah yang diperolehi melebihi lima tahun dengan kadar lima peratus bagi rakyat Malaysia yang secara tidak langsung dianggap sebagai satu bentuk cukai Harta Warisan (*Inheritance Tax*) untuk dimansuhkan memandangkan ia adalah jenis percukaian yang membebankan rakyat dan tidak adil terhadap waris yang telah bersusah-payah mengumpulkan harta demi masa hadapan pewaris mereka."

[Menteri Kewangan]

9. PR-1423-U(27)068

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentangkan laporan mengenai tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan bagi memastikan Malaysia Airlines Berhad (MAB) kekal sebagai sebuah syarikat penerbangan milik Malaysia. Memandangkan MAB merupakan satu entiti perniagaan yang telah sekian lama menjadi kebanggaan dan

maruah negara, maka adalah penting bagi rakyat Malaysia untuk mengetahui usaha-usaha penambahbaikan serta pembaharuan yang konstruktif dan menyeluruh yang dicadangkan dalam memulihkan semula masa hadapan MAB ini."

[Menteri Hal Ehwal Ekonomi]

10. PR-1423-U(27)069

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat mendengar suara rakyat dan memberikan justifikasi yang kukuh mengenai cadangan projek kereta nasional ketiga yang dijadualkan pelaksanaannya pada tahun 2020. Menteri Kewangan telah memberi jaminan pada Ogos 2018 bahawa projek kereta nasional ketiga tidak akan menggunakan wang rakyat. Namun, Kerajaan mengumumkan bahawa projek kereta nasional ketiga ini telah dianugerahkan kepada Syarikat Dream EDGE Sdn Bhd yang mana pemegang saham terbesar syarikat tersebut ialah Syarikat Venturetech Sdn. Bhd. yang dimiliki oleh Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT) iaitu sebuah syarikat milik penuh Kerajaan Malaysia. Dalam situasi ekonomi negara yang tidak menentu, projek kereta nasional ketiga bukanlah sesuatu yang perlu diberi keutamaan oleh Kerajaan memandangkan banyak lagi isu kos sara hidup dan kadar kemiskinan yang perlu diberi tumpuan khusus. Adalah disarankan agar projek kereta nasional ini ketiga dikaji semula demi menjimatkan wang rakyat."

[Perdana Menteri]

11. PR-1423-U(27)070

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Agar institusi Parlimen menetapkan supaya satu Jawatankuasa Pilihan Khas ditubuhkan bagi meneliti semua pandangan rakyat Malaysia mengenai langkah Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati dalam 32 kesalahan melibatkan lapan perundangan negara atau yang terkini mungkin hanya memansuhkan hukuman mandatori sahaja. Kenyataan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahawa pemansuhan hukuman mati akan dilaksanakan secara berperingkat ternyata telah memberikan konotasi kepada rakyat Malaysia bahawa Kerajaan sememangnya berobjektif untuk memansuhkan hukuman mati ini yang pastinya akan mendapat tentangan dari pihak keluarga mangsa. Kerajaan disarankan agar tidak membuat keputusan secara tergesa-gesa dan perlulah membentangkan sebarang keputusan kajian mengenainya menerusi Jawatankuasa Pilihan Khas di Parlimen. Sekiranya Kerajaan tidak berhasrat untuk menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas, biarlah jawatankuasa di bawah urusan Kerajaan yang mencakupi pandangan pelbagai pihak sama ada menyokong dan tidak menyokong agar satu

keputusan seimbang yang mengambil kira pandangan semua pihak dapat diperolehi. Dalam semangat Malaysia Baru selepas 9 Mei, ianya menjadi satu tanggungjawab Kerajaan agar dapat menghormati pandangan setiap lapisan rakyat Malaysia terutamanya mengenai perkara memansuhkan hukuman mati yang melibatkan nyawa masyarakat. Jika pandangan rakyat ini tidak diteliti, maka Kerajaan Pakatan Harapan akan dilihat sebagai menafikan hak kebebasan bersuara mereka. Kerajaan juga perlu menyatakan pendirian dengan jelas, apakah alternatif lain yang akan diganti selepas pemansuhan hukuman mati ini dilaksanakan dan apakah ia mampu dijadikan sebagai langkah pencegahan atau sebaliknya. Kerajaan perlu sedar bahawa kejayaan mereka menjadi Kerajaan hari ini adalah disebabkan kuasa dan suara rakyat."

[Perdana Menteri]

12. PR-1423-U(27)071

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentangkan laporan penyiasatan mengenai dakwaan Pelapor Khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai kadar kemiskinan di Malaysia yang tidak realistik dan dasar serta polisi yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi mengubah atau menyelaras paras garis kemiskinan di negara ini yang kini ditetapkan pada RM930 bagi negeri-negeri di Semenanjung, RM990 di negeri Sarawak dan RM1,170 untuk negeri Sabah."

[Menteri Hal Ehwal Ekonomi]

13. PR-1423-U(27)072

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memaparkan laporan khas mengenai pelaksanaan projek tambakan laut di perairan selatan Pulau Pinang (PSR) yang dirangka menerusi Pelan Induk Pengangkutan (PIP) serta mengemukakan laporan mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil daripada nasihat-nasihat oleh Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) dan ulasan jabatan teknikal yang berkaitan bagi memastikan pelaksanaan projek itu selari dengan Seksyen 2A(2)(b) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976. Berlandaskan prinsip ketelusan dan akauntabiliti, adalah menjadi keperluan kepada Kerajaan untuk mengemukakan laporan ini memandangkan projek ini memberikan implikasi yang besar terhadap alam sekitar, sosial dan kewangannya."

[Menteri Wilayah Persekutuan]

14. PR-1423-U(27)073

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi penjelasan terhadap laporan pelaksanaan Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan Malaysia di bawah Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) yang dilancarkan pada Oktober 2018 dalam memperkasakan keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia melalui pewujudan pendekatan yang bersifat lebih holistik dan inklusif yang mampu membawa kepada pemahaman yang lebih baik antara komuniti yang berbeza serta mewujudkan kesepaduan sosial dan perpaduan negara yang lebih baik. Kerajaan perlu membentangkan serta membentuk ruang perbincangan dengan segera apakah syor yang disarankan melalui pelan ini benar-benar efektif dalam mengukuhkan jalinan perpaduan di negara ini."

[Perdana Menteri]

15. PR-1423-U(27)074

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi perhatian terhadap pembangunan dan meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat Orang Asli, seperti yang termaktub dalam Janji 38, Manifesto Pakatan Harapan iaitu 'Membela Nasib Orang Asli' di negara ini. Kerajaan perlu membentangkan cadangan Pelan Pembangunan Masyarakat Orang Asli Nasional bagi menangani isu utama dihadapi masyarakat Orang Asli di negara ini dan adalah kemestian bagi Kerajaan memastikan setiap gerak kerja dan usaha pembangunan yang dilaksanakan Kerajaan terhadap Orang Asli ini adalah sejajar dengan Pendekatan Berasaskan Hak Asasi Manusia (PBHAM). Ini adalah supaya setiap program pembangunan dan kebajikan yang dirancang mampu memberi faedah yang lebih menyeluruh kepada masyarakat Orang Asli di samping tidak mengenenpikan kepentingan dan memelihara perkara asas berkaitan mereka melalui prinsip IMABT (Keizinan Berasaskan Makluman, Awal, Bebas dan Telus)."

[Perdana Menteri]

16. PR-1423-U(27)075

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Menurut laporan media Sin Chew Daily bertarikh 19 Ogos 2018, Ketua Strategi PPBM yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penggubalan Manifesto Pakatan Harapan sebelum PRU14 telah mengumumkan bahawa semasa Buku Harapan (Manifesto PH untuk PRU14) dirangka, prasyarat untuk menilai pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (*Unified Examination Certificate*–UEC) adalah kelulusan dalam 4 mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM. “Akan tetapi, Kementerian Pendidikan setakat ini tidak pernah

menjelaskan perkara tersebut yang banyak menimbulkan kekeliruan dan ianya berlainan nada dengan apa yang dijanjikan oleh Pakatan Harapan semasa PRU14, iaitu UEC dapat diiktiraf hanya dengan memperoleh kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM." "Mantan Menteri Pendidikan iaitu Ahli Parlimen Pagoh telah mengarahkan semua universiti awam tempatan untuk menambah satu syarat am bagi kemasukan ke universiti awam iaitu sekurang-kurangnya lulus dalam mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM memandangkan mata pelajaran Sejarah telah menjadi mata pelajaran wajib lulus dalam SPM. Ini bermakna tanpa lulus mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM, seseorang calon itu tidak boleh memperoleh sijil SPM. Arahan tersebut berkuatkuasa sejak tahun 2013." "Dewan ini mendesak Kementerian Pendidikan untuk menjelaskan sama ada mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM masih diambil kira sebagai prasyarat pengiktirafan UEC seperti yang dikatakan. Sekiranya kenyataan itu benar, maka Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) perlu melakukan penyelarasan dasar baru bagi mengatasi kekangan syarat kemasukan pelajar UEC ke universiti awam tempatan. Kementerian Pendidikan mesti mempunyai pendirian yang jelas dalam perkara ini dan tidak boleh berdolak-dalik." "Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian Pendidikan harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar UEC seperti mana yang dijanjikan oleh YB Kulai merangkap Timbalan Menteri Pendidikan semasa berkempen di PRU 14 dan dalam rakaman video beliau pada 9 April 2018 yang dimuat naik ke "Youtube", di mana beliau mengatakan Pakatan Harapan sudah mempunyai "hitam putih" untuk mengiktiraf UEC sebaik sahaja Pakatan Harapan menjadi Kerajaan."

[Menteri Pendidikan]

17. PR-1423-U(27)076

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat meneruskan projek pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada 26 Oktober 2017, termasuk mengekalkan 10 nama sekolah baharu yang telah diluluskan" "Kerajaan sepatutnya menyiapkan projek tersebut dalam masa 5 tahun dengan peruntukan RM20 juta setiap tahun (jumlah keseluruhannya RM100 juta) seperti yang telah dijanjikan oleh Kerajaan terdahulu" "Tetapi malangnya, pelaksanaan projek tersebut agak lambat dan tiada perkembangan yang signifikan. Dengan itu, mengharap Dewan ini mengambil maklum perkara ini dan mendesak Kerajaan Pakatan Harapan mempercepatkan proses pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid ke kawasan yang lebih padat penduduk Cina." "Seperti yang dijanjikan oleh YB Menteri Pendidikan pada 28 Jun 2018, SJKC Kuek Ho Yao di Seri Austin, Johor Bahru dan SJKC Sim Mow Yu di Masai, Johor akan tetap didirikan memandangkan upacara pecah tanah sekolah telah disempurnakan pada tahun 2018, iaitu sebelum PRU 14. Maka,

Kementerian Pendidikan sepatutnya rasa terpenggil untuk menyalurkan peruntukan sekurang-kurangnya RM7 juta untuk menanggung kos pembinaan setiap SJKC yang dinamakan di atas."

[Menteri Pendidikan]

18. PR-1423-U(27)077

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menggesa Kerajaan supaya dapat memberikan peruntukan yang sama rata kepada Ahli Parlimen tanpa mengira fahaman politik. Ini kerana, Ahli Parlimen Kerajaan di Semenanjung Malaysia telah diberi peruntukan sebanyak RM1,000,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM700,000 bagi peruntukan kawasan pada tahun 2018. Manakala tahun 2019, Ahli Parlimen kerajaan diperuntukkan RM1,800,000.00 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM1,500,000 bagi peruntukan kawasan. Sementara Ahli Parlimen pembangkang hanya diberikan RM100,000 sahaja bagi tahun 2018 dan tidak menerima apa-apa peruntukan untuk tahun 2019. Ini merupakan satu bentuk diskriminasi yang amat ketara." "Gesaaan ini selari dengan semangat 'Malaysia Baru' dan hasrat badan bebas (NGO) seperti BERSIH yang mahu memastikan tiada istilah diskriminasi dalam negara dan semua pengundi harus dilayan dengan adil dan saksama. Malah, perkara ini juga diperjuangkan oleh pemimpin Kerajaan hari ini ketika bergelar pembangkang suatu ketika dahulu. Dalam masa sama, semangat 'Malaysia Baru' ini juga yang menuntut kesuburan demokrasi. Prinsip keadilan ini akan dijadikan sebagai penanda aras dan seterusnya diteladani oleh kerajaan negeri yang lain di Malaysia tanpa mengira parti mana yang memerintah."

[Perdana Menteri]

19. PR-1423-U(27)078

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan apakah dasar luar Malaysia berkaitan Laut China Selatan. Umum mengetahui kemelut perluasan pengaruh di rantau Asia Pasifik yang menggunakan isu tuntutan bertindih di Laut China Selatan melibatkan kuasa besar iaitu Amerika Syarikat dan China serta penglibatan United Kingdom, Perancis, Australia dan Jepun telah merumitkan isu ini. Pembabitan kuasa asing ini amat membimbangkan kerana berkait dengan kehadiran kapal perang di perairan yang akan memberi kesan kepada kapal dagang dan juga sangat sensitif dari segi status geopolitik. Sebelum ini, pada Jun 2018, Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menyuarakan bahawa Malaysia akan mengkaji semula Kerangka Kod Tata Laku (CoC) di Laut China Selatan antara China dan ASEAN.

Ditambah pula, dengan kenyataan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Tuan Mohamad Sabu yang menyatakan kebimbangan mengenai isu penempatan aset ketenteraan di perairan tersebut iaitu merujuk kepada tindakan yang dilakukan China. Manakala, pada Ogos 2019 beberapa Menteri Luar ASEAN melahirkan kebimbangan terhadap isu penambakan, pendudukan dan insiden serius yang berlaku di Laut China Selatan. Jika diambil kira keputusan Kerajaan berhubung pembatalan dan pergantungan beberapa projek yang melibatkan negara China sebelum ini menimbulkan pertanyaan apakah interpretasi negara China walaupun tiada kena mengena dengan geopolitik Laut China Selatan, sedikit sebanyak menunjukkan hala tuju dasar laut negara. Selain itu, penyertaan Malaysia dalam latihan ketenteraan maritim terbesar iaitu *Rim of the Pacific Exercise* (RIMPAC) anjuran Amerika Syarikat yang secara jelas tidak mengundang tentera laut China dengan alasan kurang senang dengan tindakan China di Laut China Selatan. Penyelesaian melalui penggubalan Kod Tatalaku (CoC) yang berasaskan peruntukan UNCLOS pada ketika ini sedang diperhalusi di antara ASEAN dan China. Ironisnya China dilihat begitu berat untuk menerima peruntukan UNCLOS dalam rundingan CoC sedangkan China adalah negara ahli UNCLOS kerana China ingin menuntut berasaskan sejarah Dinasti mereka iaitu Dinasti Han, Yuan, dan Ming manakala Amerika Syarikat cuba memaksa ASEAN dan China menerima sepenuhnya penggunaan UNCLOS dalam CoC kerana UNCLOS berasaskan undang-undang. Sehubungan itu, apakah dasar dan pendirian Malaysia berhubung kehendak Amerika Syarikat yang mahukan UNCLOS dalam kerangka CoC tersebut. Pengamalan Dasar Luar Malaysia bersangkutan dengan kemelut Laut China Selatan akan berubah jika dinilai berdasarkan peristiwa yang berlaku semasa ini. Pembentangan ini amat penting untuk rakyat mengetahuinya malah pemimpin serantau dan global turut mengambil berat kerana Malaysia adalah negara utama yang terlibat dalam kemelut tersebut."

[Menteri Luar Negeri]

20. PR-1423-U(27)080

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan jangka masa panjang yang menyeluruh berkaitan pelaksanaan projek Sistem Transit Rapid (RTS) Johor-Singapura selepas hasil perbincangan di antara Menteri Pengangkutan Malaysia bersama Menteri Pengangkutan Singapura pada bulan Julai 2019. Hasil perbincangan ini amat penting untuk dibawa ke Parlimen agar Ahli Dewan Rakyat dapat mengetahui dengan jelas perancangan projek tersebut serta dapat dibincangkan secara terperinci di dalam Dewan Rakyat. Rakyat pastinya ternanti-nanti akan penjelasan tentang perancangan, kesan jangka masa panjang yang melibatkan dua negara ini. Perbincangan ini adalah amat penting untuk mengetahui secara terperinci berkenaan implikasi kewangan yang perlu ditanggung oleh Kerajaan Malaysia akibat penangguhan projek tersebut. Selain itu, pelaksanaan projek ini hendaklah

tidak hanya dibincangkan dalam peringkat kabinet sahaja dan secara tertutup antara Kerajaan Malaysia dan Singapura tetapi perlu mengambil kira pandangan orang ramai yang juga bakal menikmati kemajuan fasiliti dan menggunakan kemudahan ini terutama rakyat Malaysia yang mencari rezeki bekerja di Singapura agar mereka mengetahui dengan jelas tentang pendirian Kerajaan sama ada untuk meneruskan, menangguhkan atau membatalkan projek ini."

[Menteri Pengangkutan]

21. PR-1423-U(27)081

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk memperkenalkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 seperti termaktub dalam Janji 16, Manifesto Pakatan Harapan iaitu mengembalikan wibawa institusi Parlimen. Dalam usaha Kerajaan untuk mereformasi Parlimen Malaysia, Kerajaan perlu memperkenalkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 yang telah dimansuhkan melalui seksyen 7 Akta Perlembagaan (Pindaan) 1992. Akta Perlembagaan (Pindaan) 1992 tersebut telah berkuatkuasa pada 20 November 1993. Memperkenalkan semula Akta ini dengan beberapa penambahbaikan merupakan satu konsep pengasingan kuasa yang jelas antara Badan Eksekutif dan Legislatif. Perkara ini membolehkan urusan Parlimen boleh ditadbir dan dilaksanakan oleh Parlimen sendiri. Hal ini memberi kuasa autonomi kepada Parlimen untuk menentukan keputusan dan menjadikan Parlimen sebagai satu badan bebas yang tidak terikat dengan badan Kerajaan. Sehubungan itu, apakah usaha dan perancangan Kerajaan dalam memperkenalkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 di mana pindaan Perlembagaan juga perlu berlaku serta sejauh manakah persediaan Kerajaan untuk pindaan Perlembagaan ini. Selain itu, apakah usaha Kerajaan untuk menunaikan janji-jannji manifesto Pakatan Harapan dalam mengembalikan wibawa institusi Parlimen seperti memberikan status dan peruntukan yang sama dengan seorang Menteri Persekutuan kepada Ketua Pembangkang dan pewujudan Jawatankuasa Terpilih Dewan Rakyat untuk memantau setiap Kementerian, dengan kuasa untuk memanggil Menteri dan pegawai kanan untuk memberi keterangan. Kebaikan kepada pindaan ini adalah atas usaha menjadikan Parlimen sebagai badan legislatif yang efektif dalam dunia moden. Selagi tiada Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 ini, perkara ini akan menyebabkan usaha mereformasi Majlis Parlimen akan sedikit sebanyak terencat."

[Perdana Menteri]

22. PR-1423-U(27)082

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk memperkenalkan Akta dan undang-undang baharu yang perlu diwujudkan bagi melindungi orang ramai yang terjebak dalam pelaburan mata wang digital atau kripto. Akta Mata Wang Digital atau akta baharu itu membolehkan Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti (SC) mengambil tindakan terhadap pihak yang membuat penawaran pelaburan dalam bentuk mata wang digital. Mata wang digital atau *cryptocurrency* digunakan secara meluas bagi tujuan urusan sama ada secara sah atau digunakan dalam ruang bagi pasaran gelap atas talian iaitu *darkweb*, pembiayaan keganasan serta pengubahan wang haram. Perkara yang melibatkan mata wang digital semakin meluas dan berakar umbi di *darkweb*. Isu ini banyak mengelirukan banyak pihak terutamanya rakyat. Kerugian yang dilaporkan akibat jenayah siber mencecah RM309.67 juta bagi tempoh dari Januari hingga Julai 2019. Kerugian ini disebabkan jumlah jenayah siber semakin meningkat dan angka ini boleh memberi kesan negatif kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara. Sehubungan itu, apakah peranan Kerajaan dalam mengatasi masalah sekiranya mata wang digital ini disalah guna contohnya, sebagai kaedah pembayaran rasuah dan transaksi dalam pasaran gelap. Kerajaan juga perlu lebih proaktif menangani masalah penipuan mata wang digital ini. Akta baharu perlu diwujudkan dan akta yang sedia ada perlu ditingkatkan supaya tiada kelompongan dari sudut perundangan bagi mengelakkan penipuan dan salah laku yang melibatkan mata wang digital."

[Menteri Kewangan]

23. PR-1423-U(27)083

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan laporan gangguan sistem Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang berlaku pada 21 hingga 24 Ogos 2019. Gangguan sistem tersebut berlaku selama 4 hari dan menyebabkan beberapa urusan bagi pihak lapangan terbang dan penumpang terjejas. Perdana Menteri telah menggesa pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) untuk menyelidik punca sebenar gangguan sistem di KLIA, pihak MAHB telah membuat laporan polis berhubung gangguan rangkaian di KLIA dan pihak polis telah menjalankan siasatan mengikut Seksyen 427 Kanun Keseksaan. Ketua Polis Negara, Datuk Seri Abdul Hamid Bador, menyifatkan dakwaan kemungkinan wujud tindakan berniat jahat hingga menjejaskan kelancaran operasi KLIA sebagai amat serius. Sehubungan itu, Kerajaan perlu membentangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan apakah punca gangguan sistem ini boleh berlaku, berapakah implikasi kewangan yang ditanggung oleh pihak MAHB, jumlah kerugian yang ditanggung oleh syarikat-syarikat penerbangan yang terlibat dan apakah langkah proaktif yang dilaksanakan

oleh pihak Kerajaan untuk memastikan perkara ini tidak berulang kembali. Selain itu, pihak Kerajaan juga perlu membentangkan kepada Dewan Rakyat adakah gangguan sistem ini memberi kesan kepada pengiktirafan yang diterima oleh KLIA seperti Anugerah Pemasaran Laluan Asia 2018 dan pengiktirafan-pengiktirafan lain serta apakah keputusan siasatan pihak MAHB dan pihak PDRM berhubung kes ini."

[Menteri Pengangkutan]

24. PR-1423-U(27)084

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan Kertas Putih Pertahanan. Kertas Putih Pertahanan tersebut dirangka mengambil kira aspek jangka pendek dan jangka panjang berkenaan dasar pertahanan negara. Ahli Dewan Rakyat dan rakyat perlu mengetahui berkenaan dasar tersebut dengan jelas dan memberikan kefahaman secara menyeluruh apakah isi kandung Kertas Putih Pertahanan tersebut. Dalam usaha mewujudkan Kertas Putih Pertahanan, Kerajaan perlu melibatkan banyak agensi dan pihak. Kementerian Pertahanan perlu bekerjasama secara rapat dengan Kementerian Luar Negeri kerana banyak melibatkan hubungan luar antara negara. Selain itu, pihak Kerajaan juga perlu melibatkan pakar dan ahli akademik dan bukan pihak Kementerian Pertahanan sahaja. Ini adalah perkara penting untuk mewujudkan perbezaan antara pembuat dengan pelaksana dasar. Aspek yang penting adalah semua Kementerian dan agensi berkaitan perlu memahami isi kandungan kertas putih tersebut kerana tugas pertahanan bukan hanya terletak kepada Kementerian Pertahanan serta tentera semata-mata tetapi rakyat juga perlu mengetahui. Sehubungan itu, dengan pembentangan Kertas Putih Pertahanan secara terperinci ini dapat menghasilkan satu pelan rangka tindakan secara spesifik berkaitan hala tuju ketenteraan dan perancangan perolehan aset bagi Angkatan Tentera Malaysia."

[Menteri Pertahanan]

25. PR-1423-U(27)085

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mengambil langkah dalam memperkasakan institusi hal ehwal agama Islam di negara ini iaitu Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan yang mempunyai peranan utama menjadi pusat rujukan fatwa yang berwibawa dan berintegriti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Dalam memartabatkan fatwa di Malaysia, jawatankuasa ini dilihat berperanan besar melalui pengurusan, penyelarasan dan penyelidikan namun dari segi pelaksanaan fatwa tersebut oleh pihak Kerajaan tidak konsisten dalam beberapa perkara. Isu-isu keagamaan yang berlaku seperti penyebaran ajaran sesat,

fahaman liberal dan songsang serta keterbukaan yang melampau memerlukan tindakan yang sewajarnya oleh pihak Kerajaan bersandarkan kepada rujukan fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan."

[Perdana Menteri]

26. PR-1423-U(27)086

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan jangka masa panjang yang menyeluruh dalam memastikan setiap dasar dan polisi Kerajaan di semua peringkat mempunyai tahap kefahaman mengenai institusi raja atau raja berperlembagaan yang kukuh seterusnya menyemai kefahaman yang sebenar di kalangan rakyat di negara ini. Sejak kebelakangan ini banyak kekeliruan berlaku khususnya di kalangan masyarakat pelbagai latar belakang berkenaan dengan bagaimana kuasa institusi raja diamalkan dan ramai dibesarkan dengan fahaman bahawa Raja Melayu bertindak atas nasihat sebenarnya tidak memahami maksud sebenar. Perkataan nasihat itu sering disalah erti kerana perkataan dalam perlembagaan dalam versi bahasa Inggeris, kita guna "*advice*" yang membawa maksud perkara yang baik-baik. Ia adalah bertentangan kepada perkataan "*vice*". Raja juga perlu menerima nasihat yang baik-baik. Ini kerana dalam perlembagaan diberikan hak kepada raja-raja untuk meminta maklumat daripada Kerajaan tentang situasi semasa negeri. Baginda berhak. Perkara tersebut ada ditulis dalam perkara 40 (1) walaupun bertindak atas nasihat tetapi baginda mempunyai hak untuk mengetahui tentang hal ehwal semasa negeri. Selain itu terdapat polemik berkaitan istilah raja sebagai simbol. Apabila simbol, raja perlu bertindak atas nasihat tanpa mengambil kira peruntukan dalam perlembagaan yang memberikan kuasa budi bicara yang mutlak kepada raja-raja. Maknanya ada lagi ciri-ciri yang dikatakan budi bicara kepada raja itu. Dalam Perkara 181 Perlembagaan Persekutuan menyebut kedaulatan raja adalah kekal sebagaimana sebelum ini. Apabila menyatakan raja-raja itu mempunyai kedaulatan, baginda mempunyai kuasa dan kekuasaan. Perkataan kedaulatan itu menyatakan tentang ada kedaulatan, kuasa dan kekuasaan. Kalau ada kedaulatan tetapi perlembagaan tidak memberikan baginda kuasa, maka tidak ada kekuasaan dan ia tidak bererti. Tetapi, raja berperlembagaan walaupun bertindak dalam kebanyakan perkara atas nasihat tetapi ada ruang-ruang diberikan kepada baginda menerusi perlembagaan. Apabila telah mantap dengan asas kenegaraan ini, baharulah institusi raja berperlembagaan dapat difahami dengan mantap. Institusi beraja ini tidak boleh dibicarakan secara bermusim, ia perlu setiap masa dan dihayati oleh setiap rakyat."

[Perdana Menteri]

****UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 10.10.2019 (Khamis)	1. YB Tuan Khoo Poay Tiong (Kota Melaka)	1. Masalah Mengenai Pembinaan Loji Rawatan Kumbahan Serantau Bandaraya Melaka	1. YB Menteri Air, Tanah Dan Sumber Asli
2. 10.10.2019 (Khamis)	2. YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam)	2. Kelewatan SPNB Menjelaskan Bayaran Kepada Kontraktor Memberi Kesan Kepada Projek Pembinaan Rumah Mesra Rakyat	2. YB Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**